



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
CAWANGAN PULAU PINANG**

MODUL PENILAIAN SPM 2011

1103/2

BAHASA MELAYU

Kertas 2

September

2 ½ Jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas modul ini mengandungi 9 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

Soalan 1 : Rumusan
[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang cara-cara berbelanja secara berhemat oleh golongan muda dan kekangan untuk menggalakkan mereka menabung. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Tabiat berbelanja melebihi pendapatan dipercayai menjadi faktor anak muda di negara ini terjat dalam krisis kewangan. Situasi ini jika tidak ditangani, pasti memberikan kesan buruk kepada tabungan negara. Selain itu, timbul keadaan golongan muda menghadapi masalah kewangan kronik apabila usia mereka meningkat dalam tempoh lima hingga sepuluh tahun akan datang jika beban hutang yang ditanggung hari ini tidak *dilangsaikan sepenuhnya*.

Sebenarnya, prinsip pengurusan kewangan bukanlah sesuatu yang sukar untuk dipraktikkan jika anak muda mahu berubah sikap dan lebih berdisiplin ketika mengurus hal-hal kewangan mereka. Bagi mereka yang mempunyai maklumat asas tentang perancangan kewangan pasti tidak sukar untuk melakukannya. Anak muda yang tidak arif pula, usahlah malas membaca dan membuat kaji selidik bagi mencari penyelesaian terhadap beban kewangan. Tiada masalah yang tidak dapat diselesaikan, di mana ada kemahuan di situ ada jalan. Mereka perlu menentukan matlamat dalam mengurus kewangan untuk masa hadapan mereka, misalnya menyambung pelajaran, membeli rumah, atau mendirikan rumah tangga. Apabila kita sudah menentukan matlamat kewangan, sudah pasti aliran kewangan kita akan menjadi lebih teratur dan terancang.

Jika golongan muda merasakan bahawa pada setiap akhir bulan mereka gagal untuk menyimpan wang, inilah masanya untuk mereka memantau dan mengawasi perbelanjaan semasa. Perkara penting yang perlu dilakukan adalah dengan menyemak aliran perbelanjaan mereka pada setiap hujung bulan. Sekiranya mereka melakukan semakan, maka mereka akan mengetahui sama ada perbelanjaan mereka lebih cenderung ke arah keperluan ataupun atas kehendak nafsu semata-mata. Tidak dapat dinafikan bahawa ada golongan muda yang lebih cenderung untuk terus berbelanja sepuas-puas hati hingga lupa untuk menabung. Hal ini, biasanya terjadi kepada orang muda yang baru melangkah ke alam pekerjaan. Bagi mengelakkan perkara ini terus terjadi, mereka yang baru memasuki alam pekerjaan perlu mencatat butiran perbelanjaan dan merancang aliran perbelanjaan sepanjang bulan. Konsep perbelanjaan yang betul dan sepatutnya ialah perbelanjaan tidak melebihi pendapatan. Oleh yang demikian, setiap kali menerima gaji bulanan mereka perlu menabung untuk masa hadapan.

Penularan penggunaan kad kredit juga kini menjadi trend yang sukar untuk dibendung dalam kalangan orang muda. Perkara yang membimbangkan kita ialah mereka menggunakan kad kredit sebagai jalan mudah untuk membeli-belah dan membayar hutang. Seharusnya, mereka mengelakkan penggunaan kad kredit sebaliknya, menggunakan wang tunai ketika berbelanja. Sekiranya mereka berbelanja mengikut hawa nafsu ketika menggunakan kad kredit, hal ini akan menyebabkan mereka terjebak dalam kancas hutang, seterusnya dikejar oleh 'along'. Oleh itu, golongan muda perlu berhemat ketika berbelanja.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada
'Urus RM, Tip Belanja Berhemat, Elak Jadi Hamba Duit' oleh Alzahrin Alias
Berita Harian, 12 Mac 2011)

Soalan 2: Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2 (a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *dilangsaikan sepenuhnya*. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **tiga kesan** yang akan timbul sekiranya golongan muda boros berbelanja. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha kerajaan untuk menggalakkan golongan remaja menabung? [4 markah]

Soalan 2(b) - Petikan Drama

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

SALMAH: Mengapa memilih Malaysia?

MU II: Malaysia kami pilih kerana mempunyai beberapa potensi yang boleh dimajukan untuk dijadikan sebagai sebuah negara model dunia dalam menegakkan keamanan dan peningkatan moral sejagat.

CHANDRAN: Terima kasih atas penghormatan itu. Cuma satu saja yang saya ragu. Perkataan potensi yang saudara sebutkan itu membawa implikasi bahawa negara kami belum lagi mencapai taraf prestasi yang boleh dibanggakan sebagai sebuah negara membangun. Sedangkan kami rasa setiap keadaan dalam negara ini adalah terkawal dan membanggakan.

MU I: Itu perasaan saja. Hakikatnya belum cukup memuaskan sepenuhnya untuk dijadikan sebagai sebuah negara model.

CHONG: Kami rasa, kami sudah mempunyai kualiti-kualiti yang mencukupi sebagai sebagai sebuah negara model yang saudara sebutkan itu. Kami punyai satu bahasa kebangsaan sebagai bahasa perantaraan untuk tujuan integrasi nasional.

SALMAH: Kami punyai satu agama rasmi, sementara agama-agama lain dibenar untuk dipraktikkan.

CHANDRAN: Kami juga mempunyai satu kebudayaan nasional, yang mewakili seluruh cara hidup bangsa Malaysia.

(Dipetik daripada drama 'Forum Remaja 2020' oleh Syarif Shaary dalam antologi *Harga Remaja*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Mengapakah Salmah, Chandran, dan Chong begitu yakin bahawa Malaysia mampu untuk menjadi sebuah negara model?
[2 markah]
- (ii) Pada pandangan anda, selain untuk mewujudkan integrasi nasional, apakah kepentingan bahasa kebangsaan dalam masyarakat berbilang kaum?
[3 markah]
- (iii) Huraikan satu persoalan yang terdapat dalam petikan dan satu persoalan lain yang terdapat dalam keseluruhan drama.
[4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah itu maka hari pun hampir siang. Maka Raja Indera Bumaya pun *mencita geliga* daripada Raja Johan Syahperi itu maka keluarlah empat orang lengkap dengan senjatanya. Maka titah Raja Indera Bumaya, “ Hai saudaraku, pergilah tuan hamba perang dengan Raja Bahrum Dewa itu tetapi janganlah tuan hamba bunuh.” Setelah demikian titah Raja Indera Bumaya maka jin empat orang itu pun lalu menyembah lalu turun berperang dengan rakyat Raja Bahrum Dewa itu.

Setelah seketika berperang maka rakyat Raja Bahrum Dewa pun pecahlah perangnya, banyak tertangkap. Ada yang lari masuk ke dalam kota kerana tiada tertahan lagi tangkap jin empat orang itu. Maka titah Raja Bahrum Dewa, “Sudahkah engkau tangkap? Apa mati laki-laki itu?” Maka sembah segala hulubalang yang lari itu, “ Ya tuanku, tiadalah mati laki-laki itu. Maka hulubalang tuanku dua ratus yang lari, dua puluh orang hulubalang yang tertangkap orang itu. Maka patik dengar suaranya seorang juga maka segala rakyat beribu-ribu sekalian itu pun dilawannya juga.”

Setelah baginda mendengar sembah segala hulubalang itu maka Raja Bahrum Dewa pun marah menyuruh memalu gendang mengumpulkan segala rakyat sekalian. Setelah sudah berkampung segala rakyat dan menteri hulubalang sekalian, maka titah Raja Bahrum Dewa, “Segeralah pergi tangkapkan beta laki-laki itu.”

(Dipetik daripada cerita ‘*Hikayat Langlang Buana*’, dalam Antalogi Dirgahayu, Bahasaku, DBP)

- (i) Nyatakan maksud rangkai kata *mencita geliga*. [2 markah]
- (ii) Mengapakah Raja Bahrum Dewa murka? [3 markah]
- (iii) Sekiranya anda Raja Indera Bumaya, apakah langkah yang wajar anda ambil untuk mengelakkan peperangan? [3 markah]

Soalan 2 (d)- Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Di Perpustakaan

Melangkah ke ruangmu
Satu pertukaran yang kontras
Dari kehangatan merata
Ke kedinginan yang menerpa
Terlalu hening di sini
Gua pendeta bersemadi
Di puncak sepi
Di sana sini
Kepala-kepala runduk meneliti
Mata dan fikir bersehati

Maju ke ruang buku
Terlalu kerdil aku di sini
Terapung di laut ilmu
Tercurah berzaman
Dalam tak terselam
Betapapun kulayari
Bahtera ilmu di sini
Tak terteroka
Yang akan kucatat
Hanya setitik dari tinta
Yang akan kupetik
Hanya sebiji dari mutiara
Engkau adalah pusaka moyang
Gedung peradaban insan
Terhimpun berzaman

Bersemadi di sini
Aku adalah pelayar yang dahaga
Di dada samudera
Tak berpantai
Betapapun kuteguk darinya
Dahaga tak pernah langcai.

Shafie Abu Bakar
Antalogi Harga Remaja,
Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009

- (i) Siapakah penyajak berdasarkan rangkap terakhir sajak? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang wajar dilakukan untuk menarik minat remaja ke perpustakaan? [4 markah]
- (iii) Nyatakan **tiga** pengajaran yang ingin disampaikan melalui sajak di atas? [3 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan

- (a) *Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*
- (i) menjahit
 - (ii) menyulam
 - (iii) mengait
 - (iv) menganyam
 - (v) memilin
 - (vi) menyirat
- [6 markah]
- (b) *Baca dan teliti ayat-ayat di bawah, kemudian gabungkan setiap dua ayat tersebut dengan kata hubung yang sesuai.*
- (i) Atiqah menyiapkan tugas yang diberikan oleh gurunya dengan segera. Ibunya membenarkan dia turut serta dalam perkhemahan pengakap itu.
 - (ii) Puan Haliza berjanji akan memenuhi permintaan anak kesayangannya itu. Anaknya itu menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam peperiksaan SPM.
 - (iii) Orang lain sibuk membuat persiapan menyambut Aidilfitri. Pelajar-pelajar tingkatan tiga terpaksa mengulang kaji pelajaran.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Selepas bidang teknologi maklumat dan komunikasi, Malaysia kini pemberi fokus pada bio-teknologi.
- (ii) Ketika berada di pusat membeli-belah, ibu bapa hendaklah mengingatkan anak-anak supaya tidak bermain di kawasan eskalatur.
- (iii) Walau pun dunia telah mengalami arus globalisasi, namun ada sesetengah golongan yang memandang rendah terhadap mementingkan bahasa Inggeris.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Pelbagai sayur-mayur dijual oleh Pak Habib di pasar tani untuk menambahkan pendapatan bagi membiayai keluarganya.
- (ii) Alam sekitar merupakan anugerah Tuhan yang tidak berharga kerana memberikan manfaat yang banyak kepada berjuta penduduk dunia sejak terciptanya alam ini lagi.
- (iii) Tanah longsor yang berlaku di lereng bukit itu telah meranapkan tiga buah rumah apabila penghuninya bernasib baik kerana mereka tiada di rumah ketika itu.

[6 markah]

(e) *Baca ayat di bawah dengan teliti, kemudian kemukakan satu lagi peribahasa yang sama maksudnya dengan peribahasa dalam ayat tersebut.*

- (i) Orang yang baik, walau di mana-mana berada akan dimuliakan juga, ***umpama minyak setitik, di laut sekalipun timbul juga***
- (ii) Dia sepatutnya berfikir semasak-masaknya sebelum meletak jawatan kerana dia belum pasti mendapat pekerjaan di bandar itu, takut nanti ***yang dikejar tak dapat yang dikendong berciciran***.
- (iii) Jangan sekali-kali kita ***berludah ke langit***, kerana perbuatan itu umpama mengeji diri sendiri.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah ini berdasarkan novel-novel yang berikut:

- i. *PAPA....(akhirnya kau tewas jua!)* karya Deana Yusof
- ii. *Melunas Rindu* karya Hartini Hamzah
- iii. *Azfa Hanani* karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
- iv. *Renyah* karya Gunawan Mahmood
- v. *Kembara Amira* karya Amer Hamzah L. Kadir
- vi. *Sutera Dalam Lukisan* karya Abd. Talib Hassan
- vii. *Kabus di Perbukitan* karya Mohamad Kholid Hamzah
- viii. *Interlok* karya Abdullah Hussain

- (a) Nilai kasih sayang kerap diutarakan oleh penulis dalam menghasilkan sesebuah novel. Jelaskan **dua** peristiwa yang memaparkan nilai kasih sayang berdasarkan **sebuah** novel yang anda kaji.

[7 markah]

- (b) Dalam setiap novel, penulis biasanya memaparkan peristiwa negatif yang boleh dijadikan teladan dalam kehidupan kita. Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa negatif daripada setiap novel tersebut.

[8 markah]

MODUL PENILAIAN TAMAT

